

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. NIK MAZIAN BIN
NIK MOHAMAD [PASIR PUTEH]**

TARIKH : 26.11.2014

SOALAN :

Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan taburan guru-guru bahasa Inggeris disekolah-sekolah rendah dan menengah di negeri Kelantan, mengikut pecahan jabatan pelajaran daerah (PPD) bagi tahun 2013 dan 2014 bagi butiran berikut:-

- (a) bilangan Terhak, bilangan yang ada dan Peratusan kekosongan; dan
- (b) apakah usaha-usaha yang dilakukan untuk mengatasi kekurangan guru Bahasa Inggeris.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Data semasa guru yang mengajar Bahasa Inggeris sekolah rendah di Kelantan adalah seramai **1620** orang, manakala seramai **761** orang guru Bahasa Inggeris mengajar di sekolah menengah. Peratus kekosongan guru opsyen Bahasa Inggeris di seluruh negeri Kelantan adalah 13.4 peratus bagi sekolah rendah dan 5.9 peratus sekolah menengah.

(b) Antara usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian melalui Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan bagi mengatasi kekurangan guru Bahasa Inggeris ialah:

- i. Sentiasa menyemak dan mengadakan verifikasi data kedudukan guru bagi memastikan taburan guru ke daerah dan sekolah dilaksanakan secara adil.
- ii. Melaksanakan *redeployment* antara daerah dan dalam daerah bertujuan mengisi kekosongan keperluan guru di sekolah dipenuhi.
- iii. Mengenalpasti guru untuk dilatih semula melalui Program Tambah Opsyen (PITO) bagi memastikan Guru yang bukan Opsyen Bahasa Inggeris tetapi telah mempunyai pengalaman mengajar mata pelajaran tersebut melebihi empat (4) tahun yang membolehkan guru tersebut menambah opsyen dalam "Program Penjajaran Jadual Waktu PITO"